

COVID-19 DAN PENYAKIT JANTUNG KONGENITAL

Apakah itu COVID-19?

COVID-19 ialah penyakit baru yang disebabkan oleh virus corona. Kita masih di peringkat awal bagi mengetahui bagaimana COVID-19 akan memberi kesan kepada orang ramai. Pakar kesihatan tempatan di tempat anda mempunyai maklumat yang terkini tentang bagaimana COVID-19 boleh menjejaskan kesihatan anda.

Apakah simptom COVID-19?

Simptom biasa bagi COVID-19 adalah demam, batuk tidak berkahak, keletihan dan sakit badan. Sesetengah orang juga mempunyai batuk berkahak, sakit dada atau kesukaran untuk bernafas. Sebilangan kecil pula mengalami cirit-birit, muntah atau pening. Walaubagaimanapun, terdapat ramai orang dewasa dan kanak-kanak yang menghidap COVID-19 tetapi tidak mempunyai apa-apa simptom. Anda boleh menjangkiti COVID-19 kepada orang lain walaupun anda tidak mempunyai apa-apa simptom..

Bagaimana COVID-19 merbahaya kepada anda?

Kebanyakan orang mengalami simptom yang ringan. Ramai yang akan sembuh dalam tempoh beberapa hari. Agak jarang kanak-kanak yang menghidap COVID-19 meninggal dunia. Tetapi ini tidak bermakna kanak-kanak adalah benar-benar selamat. COVID-19 juga merupakan penyakit yang ringan bagi kalangan orang dewasa. Tetapi terdapat kira-kira 1 dalam 5 orang pesakit dewasa perlu mendapat rawatan di hospital. Kebanyakan orang dewasa dalam semua peringkat umur akan pulih. Kemungkinan anda untuk dimasukkan ke hospital atau meninggal dunia adalah bergantung kepada faktor usia dan penyakit lain yang anda ada. Maklumat ini mungkin berubah sekiranya terdapat maklumat baru berkaitan penyakit ini.

Adakah terdapat risiko khusus untuk kanak-kanak dan orang dewasa dengan kecacatan jantung?

Kita tidak tahu bagaimana virus ini akan memberi kesan kepada kanak-kanak dan orang dewasa yang menghidap penyakit jantung. Kebanyakan pusat rawatan jantung tidak pernah merawat pesakit CHD yang menghidap COVID-19. Orang yang ada masalah jantung jenis lain mempunyai risiko yang lebih tinggi. Ramai orang yang menghidap masalah jantung telah mempunyai jantung atau paru-paru yang lemah. Kelemahan ini menyebabkan mereka lebih berisiko untuk mendapat virus ini. Kita tidak menganggap semua orang dengan penyakit kecacatan jantung berisiko tinggi.

Masalah-masalah jantung yang menyebabkan anda atau anak anda mempunyai risiko yang lebih tinggi:

- Kecacatan yang sangat kompleks
- Ventrikel tunggal
- Paras oksigen yang rendah, kebiruan (sianotik)
- Lemah jantung atau kegagalan jantung
- Masalah rentak jantung
- Masalah yang berkaitan dengan paru-paru yang mempunyai tekanan tinggi (hipertensi pulmonari)
- Pembedahan jantung dalam tempoh tiga bulan yang lalu
- Pemindahan jantung

Apakah masalah kesihatan yang lain yang boleh menyebabkan saya atau anak saya mempunyai risiko yang lebih tinggi?

Obesiti, penyakit kencing manis, merokok, lain-lain kecacatan semasa lahir, masalah hati atau buah pinggang, atau mempunyai sistem imun yang lemah mungkin meningkatkan risiko anda. Penyakit asma yang memerlukan ubat yang kerap juga boleh meningkatkan risiko anda. Sila bertanya kepada doktor jantung anda jika anda mempunyai soalan tentang risiko kepada anda atau anak anda.

Bolehkah peranti jantung (pacemakers, injap jantung, stent, conduits (tiub), peranti penutupan) dijangkiti?

Tidak. COVID-19 tidak akan menjangkiti apa-apa jenis peranti di dalam jantung atau dada anda.

Adakah terdapat vaksin atau ubat untuk COVID-19?

Pada masa sekarang tidak ada vaksin untuk mencegah atau merawat COVID-19. Beberapa ubat-ubatan sedang di dalam percubaan untuk ditentukan samada berkesan dan selamat untuk digunakan.

Saya/anak saya akan menjalani pembedahan tidak lama lagi. Apa yang perlu kami lakukan?

Pada masa sekarang kebanyakan hospital hanya melakukan pembedahan kecemasan sahaja. Sesetengah pembedahan jantung selamat untuk ditangguhkan tanpa mengakibatkan sebarang risiko besar. Anda atau anak anda mungkin lebih selamat jika pembedahan ditangguhkan untuk sementara waktu. Sila hubungi hospital di mana pembedahan anda dijadualkan untuk mengetahui samada pembedahan anda atau anak anda akan ditangguhkan.

Perlukah saya pergi ke klinik untuk temujanji pemeriksaan jantung saya/anak saya seperti yang dijadualkan?

Secara umum, anda tidak perlu pergi ke hospital untuk temujanji rutin. Pemeriksaan dan ujian yang rutin adalah selamat untuk ditangguhkan. Jika anda atau anak anda mempunyai masalah jantung yang memerlukan rawatan segera, sila berhubung dengan doktor jantung anda untuk langkah yang perlu diambil. Jika anda tidak pasti sama ada masalah itu memerlukan rawatan segera atau tidak, sila hubungi doktor anda.

Apa yang boleh saya lakukan untuk melindungi diri saya atau anak saya daripada COVID-19?

- Banyakkan masa untuk duduk di dalam rumah
- Kerap membasuh tangan anda menggunakan sabun dengan air panas atau air dididih yang telah disejukkan
- Sentiasa guna pembersih tangan (hand sanitizer) apabila berada di luar rumah
- Tutup mulut dengan siku tangan jika batuk
- Pakai topeng muka apabila berada di luar rumah
- Lap permukaan yang kerap disentuh orang ramai dengan disinfektan
- Jarakkan diri sekurang-kurangnya dua meter (6 kaki) dengan orang lain
- Pastikan diri anda dan/atau anak anda berada jauh daripada mana-mana ahli keluarga yang sakit

Perlukah saya pergi ke tempat kerja atau sekolah jika saya mempunyai salah satu keadaan jantung berisiko tinggi yang disenaraikan di atas?

Sesiapa yang mempunyai masalah jantung yang berisiko tinggi sepatutnya duduk di rumah dan tidak perlu ke tempat kerja atau sekolah jika boleh. Ini satu tindakan yang betul walaupun anda/anak anda berasa sihat. Jika tidak boleh, sila bertanya doktor jantung anda jika ada perkara yang boleh anda lakukan untuk membantu anda kekal selamat

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya rasa anak saya atau saya mungkin menghidap COVID-19?

Jika anda, anak anda, atau sesiapa sahaja di dalam rumah anda mempunyai simptom COVID-19, segeraasingkan mereka. TIDAK PERLU segera bawa ke hospital atau klinik. Hubungi doktor jantung anda melalui telefon untuk minta nasihat. Dalam kebanyakan kes, demam dan simptom akan bertambah baik dalam tempoh beberapa hari. Jika simptom tidak berkurang dan menjadi lebih teruk, sila minta nasihat daripada doktor anda.

Adakah terdapat mana-mana ubat jantung yang perlu dihentikan disebabkan COVID-19?

Sila teruskan pengambilan semua ubat jantung yang biasa diambil kecuali doktor anda memberitahu anda sebaliknya. Ini termasuk ubat pencair darah, ubat untuk tekanan darah tinggi, ubat untuk masalah rentak jantung, dan vitamin. Sila hubungi doktor anda jika anda mempunyai soalan berkaitan dengan ubat anda.

Apa ubat-ubatan yang boleh diambil untuk membantu simptom selesema?

Ubat yang berasaskan Acetaminophen seperti Tylenol, Paracetamol, Calpol, dan Panadol boleh membantu untuk kesakitan dan demam. Sila bertanya kepada doktor anda sebelum mengambil ubat-ubatan lain.

Adakah terdapat ubat-ubatan lain yang tidak boleh diambil oleh orang yang menghidap COVID-19?

Jika anda fikir anda atau anak anda mungkin mempunyai COVID-19, sila bertanya doktor anda sebelum mengambil sebarang ubat. Sebagai contoh, orang ramai tidak sepatutnya mengambil ubat asma tanpa bertanya jika ia adalah selamat terlebih dahulu. Sila bertanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai ubat tertentu atau dos ubat.

Apakah yang perlu saya lakukan jika keadaan jantung anak saya/saya menjadi lebih teruk?

Anda perlu dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda atau anak anda menjadi lebih biru (sianotik), susah untuk bernafas, mempunyai denyutan jantung yang sangat cepat, atau menjadi mengantuk. Sila pergi ke hospital yang terdekat untuk rawatan lanjut. Jika boleh, hubungi mereka terlebih dahulu supaya mereka boleh bersedia dan merancang rawatan yang perlu.

Untuk sumber asal dan tambahan sila lawati global-arch.org. Lampiran maklumat ini telah dikeluarkan pada April 3, 2020.

